

29 SEP 1997

MALAYSIA AKUI KEPERLUAN PELABUR DAN NEGARA PENERIMA, KATA PM

Oleh: K.C. Leong

SANTIAGO, 29 Sept (Bernama) -- Malaysia, selaku penerima pelaburan langsung asing serta selaku pelabur di seberang laut, dapat memahami keperluan kedua-dua pihak berkenaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Selaku pelabur kami harap negara penerima mempunyai dasar yang luwes dan boleh diramalkan bagi memastikan keselamatan pelaburan manakala selaku penerima kami pasti akan memberikan jaminan yang serupa," tambahnya.

Malaysia sentiasa komited kepada persekitaran dagangan pelbagai hala yang liberal dan pelaburan yang adil dan percaya kepada amalan dan dasar yang luwes dan boleh diramalkan, katanya pada majlis dialog makan tengah hari dengan ahli-ahli perniagaan Chile dan Malaysia di sini.

Perdana Menteri tiba di sini semalam dari Cuba untuk lawatan tiga hari. Beliau juga dijadualkan melawat Uruguay dan Argentina sempena lawatannya ke empat negara di Amerika Selatan.

Beliau berkata Malaysia dan Chile dihubungkan dengan entiti serantau yang lebih besar dan menerima hakikat bahawa tarikan pasaran serantau yang lebih besar akan menjadikan pertimbangan dua hala tertakluk kepada keperluan serantau tetapi berkata ia tidak seharusnya menjadi halangan kepada usaha untuk meningkatkan hubungan ekonomi yang lebih luas.

Katanya tujuh perjanjian dua hala yang dipersetujui setakat ini, termasuk mengenai jaminan pelaburan, dagangan, hubungan udara dan pembayaran dua hala, telah disokong oleh peningkatan dagangan dua hala daripada RM147 juta dalam 1990 kepada RM625 juta tahun lepas. Dalam separuh pertama tahun ini, dagangan dua hala mencapai RM351 juta.

Dr Mahathir berkata terdapat ruang likup yang besar untuk mengembangkan dagangan kerana kedua-dua negara sedang mengalami kadar pertumbuhan yang tinggi yang pasti akan memerlukan lebih banyak import barangan modal, barangan perantara dan barangan pengguna.

Mengenai pelaburan, beliau berkata syarikat Malaysia mempunyai banyak kepentingan di Chile terutama dalam harta komersil, pembangunan perumahan dan industri mengetin ikan. Pelaburan Malaysia di Chile, termasuk beberapa cadangan pelaburan, dianggarkan berjumlah AS\$70 juta (kira-kira RM210 juta).

Perdana Menteri berkata lawatannya ke empat negara Amerika Latin adalah sebahagian daripada usaha berterusan Malaysia untuk meningkatkan perdagangan dan pelaburan dengan negara-negara Selatan.

Banyak faedah boleh diperolehi daripada kerjasama meluas Selatan-Selatan dalam perdagangan dan pelaburan, katanya sambil menambah bahawa ia boleh memasukkan kerjasama dalam negara ketiga manakala Chile mendahului di rantau ini memandangkan pertalian kukuhnya dengan Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara dan MERCOSUR, perkumpulan ekonomi Amerika Selatan, manakala ahli perniagaan Malaysia boleh melakukan yang sama di rantau Asia dan pasaran rantau kecil.

Beliau mengamati bahawa dalam hubungan itu, Malaysia telah menyertai dengan agak kerap dalam kegiatan sedemikian rupa seperti Pesta Perdagangan Antarabangsa Santiago.

Perdana Menteri seterusnya menggesa ahli perniagaan Chile mengambil bahagian dalam pesta perdagangan di Malaysia bagi meningkatkan kesedaran tentang hasil keluaran Chile.

Satu bidang yang mungkin boleh difikirkan bersama oleh ahli perniagaan Malaysia dan Chile, katanya, ialah penubuhan penggudangan dan pusat

pengedaran serantau.

Beliau turut menyentuh tentang peluang-peluang untuk pelabur asing di Malaysia, terutama dalam sektor pembuatan yang sedang memuncak dan dalam Koridor Raya Multimedia. -- BERNAMA

LKC SIA